

Catan berus China di Sabah, satu kelainan

48 1P.6.2017 B2



CATATAN KANVAS KOYAK

DR BAHARUDDIN MOHD ARUS

SENI lukis berkembang dan terbentuk dalam setiap budaya serta masyarakat dunia. Lukisan adalah salah satu aktiviti yang asal diciptakan oleh manusia selain dari bahasa dan juga roda. Oleh itu boleh dikatakan terdapat seni lukis dalam setiap masyarakat dan juga tamadun manusia.

Salah satu seni lukis yang terawal dalam sejarah manusia adalah lukisan berus China. Apabila masyarakat China berhijrah ke negeri Sabah mereka membawa bersama mereka seni dan budaya mereka dan seterusnya berkembang di kalangan masyarakat China di Sabah.

Menurut sejarah seni visual Sabah juga terdapat pelukis pelukis dari negeri China yang datang melawat ke negeri ini semasa tertubuhnya Nanyang Art School di Singapura yang di tubuhkan oleh pelukis China.

Penghijrahan pelukis China ke rantau ini adalah disebabkan peperangan saudara, mencari peluang pekerjaan baru serta memperbaiki kehidupan yang baru. Oleh sebab itu pelukis perintis negeri Sabah juga adalah berasal dari China dan berkelulusan di sekolah seni di sana seperti Simon Chong Yew, George Chin dan Andrew Vu (Ismail Ibrahim: 2005).

Oleh sebab itu, seni lukisan berus China juga sangat popular di kalangan pelukis

keturunan China dan juga etnik tempatan terutamanya media catan air (*watercolour*).

Salah seorang pelukis tempatan yang sangat berjaya dalam bidang ini adalah David Liew Chan Hua. David Liew adalah anak kelahiran Sibiu, Sarawak berumur lebih kurang lima puluh dua tahun. Beliau telah lama bermastautin di Sabah dan kini menerima sebagai tempat tinggalnya yang tetap.

Sebagai seorang yang minat melukis beliau banyak menghabiskan masanya dengan melukis sejak di bangku sekolah lagi. Oleh sebab itu selepas tamat di salah sebuah sekolah Tionghua di Sabah, beliau telah berhijrah ke Semenanjung dan mendaftarkan dirinya belajar di *Malaysia Institute of Art*, salah sebuah institut seni swasta yang tertua di Kuala Lumpur selama tiga tahun dan mengambil bidang seni halus iaitu lukisan dan cetakan.

Di MIA beliau mendapat didikan dari pelukis terkenal Taiwan seperti Cheah Tien Song dan Ng Boon Cher yang sangat terkenal di kalangan pelukis berus China di peringkat antarabangsa.

Oleh kerana sistem pendidikan seni di MIA itu sangat menekankan kepada pendekatan seni lukis timur dan seni lukis barat maka David berasa sangat selesa kerana kedua-dua pengaruh dalam karya beliau sangat memberikan kebaikan dan kelebihan kepada beliau selepas beliau tamat dari belajar di sana menurut perbualan beliau dengan saya pada bulan Mei 2017 yang lalu.

Beliau juga banyak menimba pengalaman sebagai tenaga pengajar kepada institusi sekolah seni di beberapa tempat di Semenanjung dan Sabah terutamanya *Chinese Taipei International School*, di Klang Selangor.

Di sini, beliau bukan sahaja mengajar pelajar baru bahkan juga mengajar guru-guru seni lukis. Karya-karya beliau banyak menekankan kepada budaya tempatan seperti landskap tempatan, potret, dan juga alam benda dan alam

sekitar yang menarik di Sabah.

David tidak berasa senang dengan kemahiran atau populariti nya sebagai pelukis catan China di kalangan masyarakat China di Sabah sahaja bahkan beliau juga berusaha mengangkat teknik lukisan berus China dan berusaha mengembangkan kepada masyarakat berbilang kaum di negeri ini.

Oleh itu beliau telah berusaha meluaskan teknik seni catan China melalui sekolah seni beliau *Bamboo Art Studio* yang terletak di Penampang, Sabah.

Di sekolah tersebut, beliau sering mengadakan bengkel seni lukis kepada anak-anak sekolah rendah dan juga menengah terutama pada musim cuti sekolah dan juga hujung minggu. Di galeri *Bamboo Art Studio*, beliau mendidik dan mengajar seramai hampir lapan puluh orang pelajar yang aktif mengikut kursus seni lukis.

Sebagai ahli Persatuan Seni Visual Sabah, David juga tidak jemu membuat pameran bersama dan memberikan sokongan kepada aktiviti persatuan. Oleh kerana kesejagatan teknik seni lukis catan China beliau sering dijemput mengadakan pameran di beberapa buah negara termasuk negeri China dan juga Taiwan.

Menurut beliau melukis memberikan beliau banyak faedah antara lain beliau menganggap seni lukis sebahagian dari hobi beliau. Oleh sebab itu beliau tidak merasa tertekan untuk menghasilkan karya beliau. Di samping itu beliau juga merasakan sangat bertuah kerana aktiviti hobinya menjadi karier beliau sepenuh masa dengan mempunyai tanggungjawab sebagai seorang guru seni lukis terkenal di negeri ini.

Oleh sebab itu, beliau juga dilantik sebagai Pengerusi Persatuan Catan Dakwat China Malaysia cawangan Sabah. Atas tugas tersebut banyak usaha yang telah dijalankan untuk memudahkan perkembangan seni lukisan berus China di negeri bawah bayu.

Jika diamati karya seni lukis beliau, kebanyakannya adalah dalam media tradisional catan air teknik berus China yang sangat popular di seluruh dunia namun kelainan yang dibawa oleh David Liew dalam karya beliau adalah membuat satu terjemahan yang tidak mengikut konvensional catan China terutama sekali dalam hal benda.

Beliau banyak menggambarkan hal benda berunsur tempatan terutama sekali landskap tempatan, alam benda dan alam semulajadi tempatan yang sangat menarik sebagai contoh karya beliau sangat mengangkat imej orang utan, Gunung Kinabalu dan kehidupan laut sebagai ikon negeri Sabah.

Jika diamati, karya beliau menggantikan hal benda tradisi dalam catan China seperti gambar pohon buluh kepada pokok kelapa yang mana digambarkan sebagai dipukul badai namun sangat kuat tidak mudah patah atau runtuh sama seperti rumpun buluh yang sangat popular sebagai simbol keteguhan diri seseorang. Begitu juga beliau menggambarkan orang utan dalam banyak karya beliau disamping mengangkat imej popular negeri Sabah ia juga menggantikan simbol ketangkasan dan kecerdikan insan seperti imej kuda yang menjadi ikon konvensional dalam lukisan China tradisional.

Kedua dua imej yang di bawa oleh David dalam karya beliau adalah sebagai contoh bagaimana karya beliau mempunyai unsur unik dan kelainan dari karya yang biasa.

David juga menjadikan diri beliau sebagai seorang pedagang seni. Ini adalah contoh yang dibawa oleh David dalam dirinya sebagai seorang pelukis profesional. Beliau sentiasa mencari peluang untuk

memasarkan karya beliau dan juga pelajar pelajarnya. Di samping mengadakan pameran solo dan berkumpulan, beliau juga tidak jemu mengadakan pameran di luar negara yang banyak diadakan terutama di rantau Asia tenggara.

Beliau juga mengambil bahagian dalam perdagangan seni lukis seperti mengambil bahagian aktif dalam acara lelong atau lelang seni (*auction*) visual di dalam dan luar negara. Biasanya Studio Bamboo mewakili karya-karya beliau dalam lelongan tersebut.

Menurut beliau, walaupun seni lukis sebagai minat utama beliau juga tidak berpuas hati dengan satu kaedah melukis catan air sahaja. Oleh sebab itu beliau meneroka dalam kepelbagaian teknik seni lukis seperti cetakan, lakaran dan juga kaligrafi tradisi China.

Apa yang dapat dipelajari dari usaha David Liew Chan Hua adalah kegigihan seorang seniman yang berjaya dalam bidang beliau tetapi berusaha mempelbagaikan usaha bagi meraih kejayaan dan keuntungan tanpa berharap dari orang atau badan lain membantu beliau.

Ini adalah satu contoh yang boleh dipelajari oleh pelukis muda tempatan misalnya walaupun sesuatu teknik atau gaya seni lukis itu sudah bertapak sebagai seorang yang kreatif seniman boleh membuat satu identiti yang baru.

THE Nanyang Scene oleh David Liew Chan Hua.



PENULIS merupakan Pensyarah Seni Visual, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).